

BAB 1 MENGENALI SEJARAH

1.1 PENGERTIAN SEJARAH 历史的意思

Bahasa Melayu

- I. Istilah sejarah dikatakan berasal daripada perkataan Arab, iaitu "syajaratun" yang bererti pokok.
- II. Sejarah dikaitkan dengan salasilah 家谱, riwayat, keturunan dan asal usul 来源.

Kamus Dewan

- I. asal usul (keturunan), salasilah
- II. peristiwa yang benar-benar berlaku pada waktu yang lampau 过去
- III. Kajian 研究 atau pengetahuan tentang peristiwa yang telah lalu.

Bahasa Inggeris

- I. Sejarah ialah "History".
- II. History bererti cerita tentang seseorang.
- III. Perkataan *history* berasal daripada bahasa Yunani, iaitu "historia" yang bererti penyelidikan 研究

Perkataan sejarah dikaitkan dengan perkataan Arab, iaitu *syajaratun*.

Antara yang berikut yang manakah boleh dikaitkan dengan *syajaratun*?

- | | |
|-------------------|---------------------|
| I Pokok | III Peradaban |
| II Asal usul | IV Penyelidikan |
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

Maklumat berikut berkaitan dengan pengertian sejarah.

Peristiwa yang benar-benar berlaku pada waktu yang lampau, kisah, riwayat dan tambo.

Pengertian sejarah tersebut adalah dalam

- A** bahasa Inggeris
- B** bahasa Melayu
- C** bahasa Yunani
- D** Kamus Dewan

Apakah definisi sejarah mengikut *Kamus Dewan*?

- A** Peristiwa yang benar-benar berlaku pada waktu yang lampau
- B** Penyelidikan
- C** Keturunan
- D** Asal usul

Istilah berikut sering digunakan oleh sejarawan.

Tambo

Apakah maksudnya?

- A** Pengajaran sejarah
- B** Riwayat dahulu kala
- C** Penyelidikan lampau
- D** Tulisan karyawan

Perkataan *historia* yang bererti penyelidikan berasal daripada bahasa

- | | |
|-----------------|-------------------|
| A Arab | C Melayu |
| B Yunani | D Sanskrit |

1.7 KEPENTINGAN MEMPELAJARI SEJARAH

Mengenal asal usul

- mengenal asal usul keluarga dan negara
- memahami adat istiadat 习俗, tradisi 传统 dan budaya bangsa

Mengambil iktibar 启示

- memperoleh **pengajaran** 教训 daripada peristiwa sejarah
- **Kesilapan** 错误 masa lalu tidak diulangi.

Memupuk patriotisme 爱国精神

- menghargai dan menghayati warisan negara
- menyemai rasa cinta akan negara

Mengukuhkan perpaduan 团结

- meneruskan hubungan harmoni antara kaum

Apakah kepentingan mempelajari Sejarah?

- I Mengambil iktibar
- II Memupuk patriotisme
- III Mewujudkan perpaduan
- IV Mengekalkan tradisi bangsa

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Apakah tujuan kita mempelajari sejarah?

- I Memperkuat jati diri
 - II Membenci kuasa asing
 - III Menanamkan sifat kesukuan
 - IV Memupuk semangat patriotisme
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

Pada pandangan anda, bagaimanakah sejarah dapat memberikan iktibar kepada diri seseorang individu?

- A Mengenal asal usul
- B Menyemai rasa bersalah
- C Mempelajari kesilapan lalu
- D Memupuk semangat cinta akan negara

Bagaimanakah pengetahuan sejarah mampu mengukuhkan perpaduan?

- A Meneruskan kesinambungan hubungan harmoni
- B Mempelajari kesilapan masa lalu
- C Memahami budaya dahulu dan kini
- D Memahami peristiwa secara empati

Apakah kepentingan mempelajari sejarah?

- A Membina keyakinan diri
- B Menyemai semangat kenegerian
- C Membangunkan negara dan bangsa
- D Mewujudkan rasa cinta antara ahli keluarga

1 Lengkapkan pernyataan tentang maksud sejarah dengan pilihan jawapan yang diberikan.

penyelidikan
pokok

Yunani

syajaratun
berlaku

Mengikut *Kamus Dewan*, sejarah bermaksud peristiwa yang benar-benar (a) _____ pada masa lampau. Berdasarkan bahasa Melayu, sejarah berasal daripada perkataan Arab, iaitu (b) _____ yang bermaksud (c) _____. Bahasa Inggeris pula mengaitkan perkataan sejarah dengan bahasa (d) _____, iaitu *historia* yang bermaksud (e) _____.

Nyatakan kepentingan mempelajari sejarah dengan melengkapkan ayat di bawah.

